

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Isnin, 25 September 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN
JULAI 2023**

**Prospek ekonomi Malaysia dijangka kekal menyederhana
dengan Indeks Pelopor mencatatkan 109.0 mata pada Julai 2023**

PUTRAJAYA, 25 September 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi Julai 2023**. Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk meramalkan pergerakan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks Pelopor (IP) Julai 2023 menjangkakan prestasi ekonomi yang kekal menyederhana dengan negatif yang lebih baik iaitu 0.9 peratus, mencatatkan 109.0 mata berbanding negatif 2.1 peratus pada Jun 2023 (**Paparan I**). Peningkatan ini dipacu oleh pertambahan ketara dalam Bilangan Unit Kediaman Yang Diluluskan Pembinaan (200.8%). Namun begitu, penurunan yang berterusan dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus lain (-24.3%) dan Import Benar Semi Konduktor (-17.4%) mempengaruhi pertumbuhan keseluruhan. Melihat kepada prestasi bulanan, IP mencatatkan negatif 0.7 peratus pada bulan rujukan berbanding negatif 0.5 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh penyusutan dalam semua komponen kecuali Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (0.1%) dan Jangkaan Nilai Jualan, Pembuatan (0.1%)".

Kadar pertumbuhan IP terlicin bagi Julai 2023 masih kekal di bawah trend 100.0 mata, mencerminkan prestasi ekonomi Malaysia terus menyederhana dalam masa terdekat disebabkan oleh prospek global yang tidak menentu (**Paparan II**).

Dari segi keadaan ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) mencatatkan 123.5 mata pada Julai 2023, meningkat sebanyak 2.2 peratus berbanding 120.8 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kecenderungan ini disumbangkan oleh semua komponen IS terutamanya Nilai Caruman Benar, KWSP (15.5%). Pada masa yang sama, prestasi bulanan IS turut bertumbuh sebanyak 0.2 peratus berbanding negatif 0.9 peratus pada bulan sebelumnya, didorong oleh Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit (0.3%).

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Statistik Nadi Kehidupan*”.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 SEPTEMBER 2023**

LAMPIRAN I

Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor

